

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselor)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 16/6/2016

Muka surat: 7

Tajuk : 1,000 bungkus bubur lambuk diagih kepada warga UNIMAS

1,000 bungkus bubur lambuk diagih kepada warga UNIMAS

KOTA SAMARAHAN: Sebut sahaja bubur lambuk, pasti ramai dalam kalangan kita mengaitkannya dengan bulan Ramadan.

Masakan tidak, bubur lambuk amat sinonim dengan bulan Ramadan Al-Mubarak dan sepanjang bulan berkat ini, ramai pihak akan menganjurkan majlis memasak dan pen-

gagihan bubur lambuk kepada orang ramai.

UNIMAS tidak terkecuali berbuat demikian dengan mengagihkan 1,000 bungkus bubur lambuk di hadapan pintu keluar kepada warga universiti ini, selepas tamat waktu bekerja, semalam.


Majlis pengagihan bubur lambuk itu disempurnakan oleh

Naib Canselor, Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi, yang mana turut dibantu oleh Pengurus Bank Rakyat Wilayah Sarawak, Faishal Salleh, timbalan-timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Pegawai-pegawai UNIMAS dan Bank Rakyat Kota Samarahan.

Majlis pengagihan bubur lambuk ini merupakan anjuran

Persatuan Pengurus UNIMAS (PPU) dengan kerjasama Bank Rakyat cawangan Kota Samarahan.

Ia merupakan acara tahunan yang bertujuan mewujudkan kerjasama di antara universiti dengan pihak luar dalam program yang menjurus kepada kebaikan dan kemasya-katan.



BUBUR LAMBUK ... Naib Canselor, Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi mengagihkan bubur lambuk di pintu keluar kepada warga UNIMAS, selepas tamat waktu bekerja, semalam.